

Tokoh kanak-kanak gembira terima cenderamata



(Kiri): ISTERI Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Haji Mohd Ali sedang mengenakan tengkolok di kepala Adik Abdul Halim Mohd Basir — Tokoh Kanak-kanak Lelaki tahun ini.

(Kanan): Tokoh Kanak-kanak Perempuan 1983, Adik Nazareha Aziz, 12 dari Sekolah Rendah Kebangsaan (2), Batu Empat, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur menerima cenderamata dari isteri Perdana Menteri.

Adik Abdul Halim 12, ialah pelajar pintar dan aktif di Sekolah Kebangsaan Seri Makmur, Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor.

Adik Nazareha juga pelajar yang cergas di bidang agama, muzik dan

olahraga.

Upacara penganugerahan itu diadakan di Dewan Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi pagi semalam adalah bersempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia anjuran Majlis Kebangsaan Kanak-kanak Malaysia (MKKM).

Seramai 3,000 kanak-kanak dari seluruh negara menyaksikan upacara itu yang diserikan dengan berbagai persembahan dari kanak-kanak seluruh Selangor seperti tarian, dikir barat, silat, gamelan dan tae-kwan-do.